

# Pusat Sukan anjur UMS Tri Challenge 2018

► Lebih 1,000 pelajar ambil bahagian



UB 22.11.2018 B2

**P**USAT Sukan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan pertandingan UMS Tri Challenge 2018 yang melibatkan 3 disiplin iaitu Berenang, Berlari dan Berbasikal. Pertandingan ini telah di adakan di sekitar kawasan pantai Outdoor Development Centre (ODEC), UMS.

Pertandingan ini julung-julung kalinya dianjurkan yang melibat tiga acara dalam satu masa iaitu 3 disiplin secara berpasukan yang terdiri daripada 4 orang dalam satu pasukan.

Acara dimulakan pada awal pagi iaitu jam



PARA Peserta Tri Challenge bergambar bersama Azis.



**PENYAMPAIAN** cenderahati daripada Naib Canselor UMS kepada Azis.

6 pagi yang dimulakan dengan disiplin berenang, kemudian berlari dan seterusnya berbasikal dan akhir sekali berlari untuk menuju ke garisan penamat.

Seramai lebih 1,000 orang pelajar telah menghadiri pertandingan itu yang terdiri daripada badan beruniform di UMS.

Majlis perasmian penutupan dan penyampian hadiah telah disempurnakan oleh Datuk Mohd Azis Jamman, Timbalan Menteri, Kementerian Dalam Negeri merangkap Ahli Parlimen Sepangar.

Turut diadakan majlis menanam pokok kelapa oleh Datuk Mohd Azis Jamman sebagai simbolik acara pada pagi berkenaan.

Turut hadir ialah Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, Naib Canselor, UMS, Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Mohd Asraaf Abdullah, Pengarah Pusat Sukan, Ahmad Haji Nurdin, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dekan-Dekan, Pengetua-Pengetua kolej kediaman, pegawai-pegawai dan staf UMS serta siswa siswi UMS.